

KHUTBAH KHAS AIDILADHA 1447H/2026M
“IBADAH KORBAN MENDIDIK MUJAHADAH DALAM
BERIBADAH”
(27 Mei 2026M/ 10 Zulhijjah 1447H)

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَعْيَادَ مَصَدَرًا لِلْهَنَاءِ وَالسُّرُورِ، وَتَفَضَّلَ فِي هَذِهِ
الْأَيَّامِ الْعَشْرِ عَلَى كُلِّ عَبْدٍ شَكُورٍ، سُبْحَانَهُ غَافِرِ الذَّنْبِ وَقَابِلِ التَّوْبِ،
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ
تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah
subhanahu wata'ala dengan bersungguh-sungguh melaksanakan
perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-

mudahan kita dikurniakan kejayaan yang hakiki di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk **“Ibadah Korban Mendidik Mujahadah Dalam Beribadah”**.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Pada pagi yang penuh dengan keberkatan ini, kita berhimpun untuk menzahirkan rasa syukur yang tidak terhingga atas nikmat iman dan Islam, serta peluang untuk meraikan Hari Raya Aidiladha.

Pada hari ini juga, umat Islam sedang melaksanakan ibadah haji di Makkah al-Mukarramah. Mereka di sana dengan pakaian putih ihramnya, datang dari seluruh pelusuk dunia, tanpa mengira bangsa, warna kulit dan status sosial, bersama-sama berkumpul untuk satu tujuan yang sama, iaitu memenuhi panggilan Allah *subhanahu wata'ala* untuk menjadi tetamu-Nya dan bertauhid mengesakan Allah *subhanahu wata'ala* semata-mata serta berusaha mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita mendoakan saudara-saudara kita yang terpilih pada tahun ini supaya beroleh haji yang mabrur dan sentiasa dalam perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*. Kita doakan juga kepada saudara-saudara kita yang lain agar diberi kesempatan untuk dapat menunaikan ibadah haji pada masa akan datang. InsyaAllah.

Hari Raya Aidiladha ini juga mengingatkan kita kepada sebuah lembaran sejarah yang agung. Ia mengimbau kembali kisah ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada perintah Allah *subhanahu*

wata'ala daripada sebuah keluarga mithali, iaitu Nabi Ibrahim *alaihissalam*, isterinya Siti Hajar, dan anakandanya Nabi Ismail *alaihissalam*. Kisah mereka adalah madrasah tarbiyah yang mengajar kita satu prinsip paling asas dalam beragama, iaitu mujahadah dalam ibadah, bersungguh-sungguh, berjuang, dan berkorban di jalan Allah *subhanahu wata'ala*.

Apabila kita meneliti sirah pengorbanan Nabi Ibrahim *alaihissalam*, baginda diuji dengan perintah yang berat, namun, kerana paksi imannya yang teguh dan bersendikan wahyu ilahi, perintah itu dilaksanakan dengan penuh ketundukan.

Pada hari ini, ujian kita adalah mujahadah melawan musuh yang tidak kelihatan, iaitu hawa nafsu yang bersarang di dalam dada, serta kesibukan duniawi yang sering melalaikan. Mari kita muhasabah diri kita melalui tiga dimensi mujahadah yang amat penting pada hari ini:

Pertama: Mujahadah Masa.

Kehidupan moden hari ini dipenuhi dengan pelbagai gajet dan hiburan yang mampu memukau kita sehingga larut malam. Maka di sinilah letaknya mujahadah. Sanggupkah kita mengorbankan sedikit waktu tidur yang lena, membaling selimut yang empuk pada sepertiga malam, semata-mata untuk bangun berdiri menunaikan solat sunat Tahajud dan bersujud memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*? Sanggupkah kita meluangkan masa di tengah kesibukan kerja untuk melangkah ke masjid bagi solat berjemaah?

Kedua: Mujahadah Harta.

Sifat asas manusia adalah menyayangi harta benda yang dihipunnya. Namun, Islam mengajar kita bahawa dalam rezeki kita, ada hak orang lain. Mujahadah harta menuntut kita mempersoalkan diri: Sanggupkah kita menyetepikan sebahagian daripada pendapatan bulanan kita untuk dizakatkan, disedekahkan, dan digunakan untuk melaksanakan ibadah korban pada hari ini? Mengeluarkan duit untuk membeli binatang korban memerlukan mujahadah bagi mengikis sifat bakhil dan kedekut.

Ketiga: Mujahadah Jiwa

Ini adalah mujahadah yang paling sukar. Sanggupkah kita membuang ego yang tinggi, mengikis sifat hasad dengki, menjauhkan perasaan bangga diri (ujub), dan meruntuhkan tembok mementingkan diri (egoistik) demi menjaga ukhuwah sesama Muslim? Mujahadah jiwa menuntut kita memaafkan kesalahan orang lain dan merendahkan diri demi kedamaian ummah.

Tanpa mujahadah, ibadah yang kita lakukan setiap hari akan menjadi kosong, hambar, dan sekadar ritual luaran semata-mata—bak kata pepatah, *"sekadar melepaskan batuk di tangga"*. Ketahuilah, orang yang bermujahadah dalam ibadah akan sentiasa merasai kelazatan iman dan kemanisan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala*, walaupun ketika itu mereka sedang diuji dengan pelbagai tribulasi, badai ujian, dan kepayahan hidup.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Bagi menyuburkan roh pengorbanan dan memanifestasikan mujahadah ini dalam bentuk amalan yang nyata, Islam telah mensyariatkan ibadah Korban. Menyembelih binatang ternakan sama ada unta, lembu, kerbau, mahupun kambing pada hari raya Aidiladha dan hari-hari Tasyrik adalah lambang penyerahan diri dan manifestasi ketaatan yang menjanjikan ganjaran yang sangat besar di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah menggambarkan betapa agungnya ganjaran bagi orang yang berkorban menerusi sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi *rahimahullah*:

((يا فَاطِمَةُ ! قُومِي فَاشْهَدِي أُضْحِيَّتِكَ ؛ فَإِنَّ لَكَ بِأَوَّلِ قَطْرَةٍ تَقْطُرُ مِنْ دَمِهَا مَغْفِرَةً لِكُلِّ ذَنْبٍ ، أَمَا إِنَّهُ يُجَاءُ بِدَمِهَا وَلَحْمِهَا فَيُوضَعُ فِي مِيزَانِكَ سَبْعِينَ ضِعْفًا))

Maksudnya: *Wahai Fatimah, bangunlah dan saksikanlah haiwan korbanmu. Ketahuilah sesungguhnya bagi kamu dengan titisan pertama yang menitis daripada darahnya ialah keampunan daripada segala dosa. Ketahuilah ia akan didatangkan pada hari kiamat dengan daging-daging dan darah-darahnya sebanyak 70 kali ganda sehingga ia diletakkan di neraca timbanganmu.*

Lihatlah betapa besarnya ganjaran bagi mereka yang sanggup mengeluarkan sebahagian hartanya untuk membeli binatang korban!

Setiap helai bulu daripada haiwan sembelihan itu dicatat sebagai satu kebaikan. Darahnya yang mengalir bukan sahaja memadamkan dosa-dosa kecil yang lalu, malah haiwan tersebut akan menjadi saksi pembelaan kita di Padang Mahsyar, di kala manusia amat memerlukan syafaat dan pertolongan.

Namun, ganjaran yang melimpah-ruah ini hanya akan dicapai sekiranya ibadah tersebut dilakukan dengan **keikhlasan** dan ketakwaan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hajj, ayat 37:

لَنْ يَنَالَ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ
سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ ۚ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ (٣٧)

Maksudnya: *Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah Ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya.*

Oleh itu, bersihkanlah niat kita. Korban kita adalah kerana Allah *subhanahu wata'ala*, bukan untuk mendapat pujian masyarakat, bukan untuk dipandang hebat, tetapi semata-mata hamba yang tunduk kepada arahan Penciptanya.

Ibadah korban yang kita laksanakan mengajar kita sifat bermurah hati, berkongsi rezeki tanpa mengira darjat, dan menyebarkan kasih sayang. Pembahagian daging korban kepada jiran tetangga, termasuk kepada komuniti yang memerlukan, secara tidak langsung menjadi jambatan silaturahim yang mengukuhkan lagi ikatan kemasyarakatan dan perpaduan di negeri ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Di sebalik keamanan, kedamaian, dan kemakmuran yang kita kecapai pada hari ini, kita wajib menzahirkan rasa kesyukuran yang mendalam terhadap nikmat kepimpinan negeri yang cemerlang, berwawasan, adil, dan prihatin. Mentadbir sebuah negeri yang saiz geografinya hampir sama besar dengan keseluruhan Semenanjung Malaysia, dengan bentuk muka bumi yang mencabar daripada pesisiran pantai, sungai-sungai yang panjang, sehinggalah ke kawasan pedalaman dan pergunungan serta struktur demografi masyarakat yang rencam, bukanlah suatu tugas yang mudah. Ia menuntut pengorbanan masa, tenaga, kesihatan, dan fikiran yang luar biasa daripada para pemimpin kita.

Alhamdulillah, hasil daripada tadbir urus yang, berintegriti, dan inklusif, Sarawak kini sedang mengorak langkah dengan amat pesat. Negeri kita menjadi model terkehadapan dalam naratif ekonomi hijau, ekonomi digital, serta menjadi perintis dalam pelbagai inisiatif lestari seperti tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hidrogen.

Lebih daripada itu, kebijaksanaan pemimpin negeri dalam mengurus perbezaan telah menjadikan Sarawak diakui sebagai contoh dan model keharmonian terbaik di Malaysia. Di negeri ini, tiada sesiapa yang dipinggirkan atas faktor kaum atau agama. Kebebasan beragama dipelihara dengan semangat toleransi dan rasa hormat yang amat tinggi.

Sebagai umat Islam, kita diajar oleh syariat untuk sentiasa menghargai, menghormati, dan mentaati pemimpin (*Ulil Amri*) yang membawa kebaikan dan kemaslahatan kepada rakyat. Ketaatan kepada pemimpin dalam perkara yang makruf adalah sebahagian daripada tuntutan agama bagi memastikan kestabilan negeri dan negara sentiasa terpelihara, sekaligus memayungi kelangsungan ibadah kita dalam keadaan aman dan damai. Ingatlah, kecemerlangan para pemimpin tidak akan membuahkan hasil yang maksima tanpa adanya sokongan padu, kesetiaan, dan pengorbanan daripada pihak rakyat.

Apakah bentuk pengorbanan kita sebagai rakyat pada hari ini demi pembangunan dan kesatuan?

Pertama: Kita berkorban dengan menyumbang kepakaran, idea, ilmu, dan tenaga kerja yang bermutu tinggi mengikut bidang masing-masing untuk bersama-sama memajukan Sarawak.

Kedua: Kita berkorban dengan sentiasa mematuhi undang-undang, menjaga ketenteraman awam, dan menyokong dasar-dasar

kerajaan yang jelas membawa masalah serta kebaikan kepada seluruh rakyat.

Ketiga: Kita berkorban untuk menjadi benteng pertahanan negeri daripada anasir-anasir luar, sama ada ideologi ekstrem mahupun dakyah politik sempit yang cuba menanam jarum perpecahan, menyemai benih kebencian, dan mencetuskan provokasi perkauman, terutamanya menerusi platform media sosial.

Umat Islam di Sarawak mesti bangkit menjadi contoh teladan yang terbaik. Tunjukkanlah akhlak Islam yang syumul dan indah; akhlak yang sentiasa mengutamakan kedamaian, menjaga kebersihan, memiliki integriti, dan mempunyai kerajinan yang tinggi dalam bekerja.

Marilah kita jadikan momentum Aidiladha pada tahun ini sebagai titik tolak untuk kita memperbaharui azam, meningkatkan mujahadah dalam ibadah, memperkukuh ukhuwah sesama kita, dan mencurahkan taat setia demi kemakmuran bumi Sarawak yang kita cintai ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Sebagai mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-A'raf, ayat 96:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ *

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ *

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَضَاحِي مِنْ أَجْلِ الْقُرْبَانِ. وَضَاعَفَ لِعَامِلِهَا الْحَسَنَاتِ. وَكَانَتْ سَبَبًا لِدُخُولِ أَهْلِهَا الْجَنَّاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الَّذِينَ فَازُوا بِالْجَنَّةِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah

Bersempena Hari Raya Korban ini, umat Islam digalakkan untuk melakukan ibadah korban. Tempoh masanya bermula dari terbitnya matahari pada Hari Raya Aidiladha setelah berlalunya tempoh masa yang mencukupi untuk dua rakaat solat dan dua khutbah yang ringan sehingga terbenamnya matahari pada hari tasyriq terakhir, iaitu 13 Zulhijjah. Pada tempoh masa itu, marilah bersama-sama kita

melaksanakan ibadah korban ini. Sesungguhnya, ibadah korban mempunyai ganjaran yang amat besar sebagaimana Imam at-Tirmizi *rahimahullah* meriwayatkan sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*:

« مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ،
إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنْ
اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ، فَطَيِّبُوا بِهَا نَفْسًا»

Maksudnya : *Tidak ada amalan anak Adam (manusia) pada hari raya haji yang paling disukai Allah selain daripada menyembelih korban. Haiwan ternakan yang dikorbankan itu akan datang kepada mereka yang melakukannya pada hari kiamat seperti keadaan asalnya iaitu, lengkap dengan tanduknya, bulunya, kukunya, darah korban itu lebih dahulu jatuh ke suatu tempat yang disediakan Allah sebelum dia jatuh ke bumi (pahalanya disegerakan Allah). Maka dengan sebab itu hendaklah kamu dengan rela dan ikhlas hati melaksanakannya untuk keuntungan diri sendiri .*

Pada masa yang sama, marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni segala dosa kita dan menerima segala amalan kita. Marilah kita juga berdoa untuk kebaikan umat Islam di seluruh dunia agar mereka sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi ujian dan cabaran dengan pengorbanan. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian, kebahagiaan serta kekuatan iman menuju kejayaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara

kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا
لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ
وَوَفَّقْنَا وَإِيَّاكُمْ لِكُلِّ فِعْلٍ حَمِيدٍ، وَأَعَادَ عَلَيْنَا وَعَلَيْكُمْ مِنْ بَرَكَاتِ هَذَا
الْيَوْمِ السَّعِيدِ، وَأَعَدْنَا وَإِيَّاكُمْ مِنْ هَوْلِ الْيَوْمِ الْوَعِيدِ. وَأَدْخَلْنَا وَإِيَّاكُمْ
الْجَنَّةَ مَعَ الْفَائِزِينَ الَّذِينَ دَعَوَاهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.